

# HAL EHWAL JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

# HEJIM FKAB - INDUSTRI

- ▶ HEJIM FKAB menyasarkan untuk meningkatkan penglibatan antara universiti dan industri secara strategik, mampan dan berkesan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Melalui kewujudan perkongsian strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan, HEJIM boleh mempromosikan fakulti melalui manfaat perkongsian dua hala yang akhirnya akan mengukuhkan dan menyokong universiti serta fakulti melalui pendidikan, penyelidikan, latihan dan perkhidmatan.
- ▶ Rakan industri



# HEJIM FKAB - MASYARAKAT

- ▶ HEJIM FKAB meneruskan penglibatan strategik dengan komuniti sebagai wadah untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dalam pemindahan pengetahuan dan usaha bersama untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasaran. Kami berhasrat untuk mewujudkan pembangunan yang mampan dan hubungan dengan komuniti berkenaan. Perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar yang bertindak sebagai platform penyambung untuk menghubungkan dan meningkatkan penglibatan masyarakat melalui FKAB dan aktiviti luar bandar.
- ▶ Antara aktiviti:
- ▶ Projek kampung angkat UKM
- ▶ Sekolah @UKM
- ▶ UKM@Bangi

# LATIHAN INDUSTRI, FKAB

## ▶ OBJEKTIF

- ▶ Untuk mendedahkan pelajar kepada amalan kejuruteraan atau seni bina yang spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing dan jenis industri yang dipilih,
- ▶ Untuk mendedahkan pelajar kepada tanggungjawab sebagai jurutera atau arkitek dan profesyen kejuruteraan atau seni bina,
- ▶ Untuk membentuk kemahiran komunikasi dalam kejuruteraan atau seni bina yang melibatkan interaksi harian dalam persekitaran kerja dan penulisan teknikal.

## ▶ Permohonan Latihan Industri

- ▶ Pelajar yang akan menjalani program latihan industri perlu memohon melalui sistem SLAI di [www.ukm.my/smplai/](http://www.ukm.my/smplai/) untuk penempatan. Pangkalan data SLAI sehingga kini mengandungi lebih daripada 2000 alamat syarikat, agensi kerajaan dan lain-lain.

**Pejabat Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat**  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603-8921 7041/7137  
Faks : +603-8921 6452  
Email : [industrifkab@gmail.com](mailto:industrifkab@gmail.com)  
Facebook : Hejim Hesa Fkab